

06 MAY 1999

Rafidah-Mahathir

RAFIDAH MINTA DR MAHATHIR JANGAN SEBUT SOAL LETAK JAWATAN

ALOR SETAR, 6 Mei (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jangan lagi menyebut soal hendak meletakkan jawatan Perdana Menteri.

"Saya nak buat rayuan terbuka kepada Dr Mahathir jangan lagi sebut soal nak letak jawatan, pencen atau serahkan tugas kepada penggantinya," katanya ketika berucap dalam pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Wanita Kedah di sini.

Ini kerana negara masih memerlukan khidmat beliau (Dr Mahathir) untuk terus memimpin negara ini, katanya.

Beliau berkata langkah itu bertujuan mengurangkan spekulasi di kalangan rakyat.

"Soal Perdana Menteri hendak mengundurkan diri hendaklah diserahkan kepada Allah.

"Suratkhabar jangan tanya lagi bila Dr Mahathir nak pencen. Banyak lagi kerja yang kita hendak buat," katanya.

Rafidah berkata lagipun rakyat sudah lega kerana Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan berebut-rebut hendak jadi Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Rafidah berkata cadangan debat di antara Umno dan PAS mengenai isu sekularisme tidak boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat di akar umbi kerana banyak penerangan yang perlu diberikan kepada mereka bagi menangkis dakyah-dakyah parti pembangkang.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat mempela Umno berdebat dengan PAS mengenai isu sekularisme.

-- BERNAMA

JM AKD